



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
16 FEBRUARI 2023

POLISI CUKAI PELANCONGAN (TTx) NO. 1/2023

**LIABILITI UNTUK MENGUTIP, MENGAKAUN DAN MEREMIT CUKAI
PELANCONGAN KE ATAS PELANCONG YANG MEMBUAT TEMPAHAN
PREMIS PENGINAPAN DI MALAYSIA SECARA ATAS TALIAN MELALUI
PEMBERI PERKHIDMATAN PLATFORM DIGITAL BERDAFTAR**

1. Di bawah subseksyen 20B (1) Akta Cukai Pelancongan (Pindaan) 2021, tiap-tiap pemberi perkhidmatan platform digital (“PPPD”) yang menyediakan premis penginapan melalui perkhidmatan yang berhubungan dengan tempahan premis penginapan dalam talian hendaklah memungut cukai pelaongan daripada pelancong.
2. Walau bagaimanapun, Menteri Kewangan telah bersetuju untuk memberi kelonggaran selama tiga bulan bermula pada **1 JANUARI 2023 HINGGA 31 MAC 2023** berkaitan perkara-perkara berikut :
 - (i) PPPD berdaftar yang **tidak menerima bayaran tempahan** premis penginapan secara terus daripada pelancong asing **tidak dikehendaki** mengutip, mengakaun dan meremit cukai pelancongan kepada JKDM mengikut tempoh bercukai PPPD berdaftar berkenaan.
 - (ii) Pengendali premis penginapan berdaftar yang **menerima bayaran** daripada pelancong asing bagi tempahan premis penginapan melalui PPPD **dikehendaki** mengutip, mengakaun dan meremit cukai pelancongan kepada JKDM mengikut tempoh bercukai pengendali berdaftar berkenaan.
3. PPPD berdaftar akan **bertanggungan sepenuhnya** untuk mengenakan, mengutip, mengakaun dan meremit cukai pelancongan kepada JKDM bagi penempahan premis penginapan yang dibuat oleh pelancong melalui PPPD berdaftar bermula pada **1 APRIL 2023**.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
PUTRAJAYA